

KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH KALI KE-603 BIL.9/2024
26 SEPTEMBER 2024

1) KEJAYAAN KONTINJEN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI DALAM MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN 1446H/2024M

Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1446H/2024M telah berlangsung pada 16 September 2024 (Isnin) bersamaan 12 Rabiulawal 1446H bertempat di Padang Kota Lama dan Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang

Majlis sambutan ini dimulakan dengan pelepasan kontinjen perarakan Maulidur Rasul dari Padang Kota Lama ke Dewan Sri Pinang yang telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Sambutan Maulidur Rasul tahun ini yang bertemakan "Al-Falah Pemacu Malaysia Madani" telah disertai oleh lebih 1,300 peserta yang terdiri daripada 44 kontinjen yang telah mengambil bahagian.

Sukacita saya di sini memaklumkan bahawa pada majlis kali ini, Kontinjen Majlis Bandaraya Seberang Perai yang diketuai oleh Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff, Penolong Pengarah Kanan Jabatan Perbendaharaan telah dinobatkan sebagai **KONTINJEN TERBAIK KATEGORI AGENSI KERAJAAN** dengan membawa slogan

"RASULULLAH S.A.W MEMBENTUK GENERASI AL-FALAH".

Kontinjen MBSP telah dianggotai oleh 30 orang warga kerja MBSP yang terdiri dari pelbagai jawatan dan jabatan.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Kontinjen Maulidur Rasul Majlis Bandaraya Seberang Perai bagi tahun ini.

2) ANUGERAH APRESIASI STRATA SEBERANG PERAI 2024 "APRESS 2024"

Anugerah Apresiasi Strata Seberang Perai 2024 "APRESS 2024" dianjurkan buat julung kalinya bagi memberi pengiktirafan kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) kategori kos rendah dan kos sederhana rendah yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam pengurusan dan penyenggaraan bangunan berstrata dari aspek :-

- a) Pematuhan Akta dan Peraturan;
- b) Penubuhan serta Pengurusan dan Pengurusan Kewangan;
- c) Pengurusan Penyenggaraan;
- d) Pengurusan Keselamatan dan Risiko; dan
- e) Penglibatan Komuniti Strata

Penilaian adalah kepada keseluruhan JMB/MC bagi bilangan 11 petak ke atas bagi kategori kos rendah dan kos sederhana rendah dalam pembangunan dan pengurusan skim strata di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Penilaian telah dilakukan kepada JMB/MC bagi skim kategori kos rendah dan kos sederhana rendah di kawasan Seberang Perai yang bermula pada 1 Jun 2024 kepada jumlah skim yang berikut:

Jumlah skim Kos Rendah = 161 skim
 Jumlah skim Kos Sederhana Rendah = 66 skim
JUMLAH SKIM YANG DINILAI = 227 skim

Hasil penilaian telah mengenalpasti dan memutuskan bahawa 72 skim kategori kos rendah dan 39 skim kos sederhana rendah layak disenarai pendek dan layak untuk lawatan penilaian akhir APRESS 2024.

Keputusan pemenang bagi Anugerah Apresiasi Strata Seberang Perai 2024 "**APRESS 2024**" yang telah diadakan pada 21 September 2024 adalah seperti berikut:

Kategori Kos Rendah:

BIL	HADIAH	NAMA JMB/MC	JUMLAH HADIAH (RM)
1	Johan	Perbadanan Pengurusan Apartment Permata Blok A-N	3,000.00
2	Naib Johan	Perbadanan Pengurusan Flat Delima Indah	2,000.00
3	Ketiga	Perbadanan Pengurusan Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Perdana	1,000.00

Kategori Kos Sederhana Rendah:

BIL	HADIAH	NAMA JMB/MC	JUMLAH HADIAH (RM)
1	Johan	Badan Pengurusan Bersama Taman Permatang Sintok (Blok B)	3,000.00
2	Naib Johan	Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Pauh Damai	2,000.00
3	Ketiga	Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Indah Blok A & B	1,000.00

Satu (1) **Anugerah Khas Pesuruhjaya Bangunan** turut diberikan kepada JMB/MC yang banyak memberikan kerjasama, bantuan serta sokongan kepada Jabatan Pesuruhjaya Bangunan dalam menjalankan program-program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan Jabatan sepanjang tahun. Anugerah tersebut telah diberikan kepada **Perbadanan Pengurusan Apartment Permata Blok A – N.**

3) OPERASI PENGUATKUASAAN KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

Operasi penguatkuasaan kutipan cukai taksiran akan dijalankan bermula **1 Oktober 2024** bagi premis-premis yang belum menjelaskan bayaran cukai taksiran bagi Penggal Kedua 2024.

Pemilik premis diminta untuk membuat bayaran dengan kadar **SEGERA** bagi mengelakkan harta alih anda dari disita. Bayaran cukai taksiran boleh dibuat **secara dalam talian, melalui aplikasi ASPIRE**

Seberang Perai, melalui kiosk atau agensi kutipan yang telah dilantik MBSP serta di kaunter bayaran MBSP di Menara Bandaraya Bandar Perda dan Kaunter Cawangan Jawi.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 696 / 697** atau e-mel di waran@mbsp.gov.my.

4) PELAKSANAAN HARI TANPA TUNAI PADA SETIAP HARI DI KAUNTER MBSP BANDAR PERDA, KAUNTER MBSP CAWANGAN KAMPUNG JAWA DAN KAUNTER MBSP CAWANGAN JAWI

Dimaklumkan bahawa berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2024 (Selasa), Hari Tanpa Tunai akan dilaksanakan pada setiap hari di Kaunter MBSP Bandar Perda, Kaunter MBSP Cawangan Kampung Jawa dan Kaunter MBSP Cawangan Jawi.

Sehubungan itu, pelanggan digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan dan transaksi atas talian melalui aplikasi digital seperti *Cyber Counter* MBSP, MBSPPay, Aspire, Penang Smart Parking, JOMPAY, e-Boost dan TnG e-wallet.

5) PENGOPERASIAN KAUNTER MBSP CAWANGAN KAMPUNG JAWA

Dimaklumkan bahawa Kaunter MBSP Cawangan Kampung Jawa, Butterworth telah selesai dinaiktaraf sepenuhnya dan akan beroperasi mulai 1 Oktober 2024 seperti ketetapan berikut :

HARI	WAKTU OPERASI KAUNTER
Isnin hingga Khamis	7.30 pagi sehingga 4.30 petang
Jumaat	7.30 pagi sehingga 12.15 tengah hari 2.45 tengah hari sehingga 4.30 petang (Rehat 12.15 tengah hari sehingga 2.45 petang)

Kaunter berkenaan dilengkapi dengan kemudahan Kaunter Siber untuk kegunaan pelanggan berurusan secara atas talian serta pelaksanaan perkhidmatan multiskill seperti pembaharuan lesen perniagaan MBSP, permohonan patil anjing, permohonan stiker letak kenderaan OKU dan pendaftaran invois.

MBSP turut menggalakkan semua warga Seberang Perai untuk menggunakan perkhidmatan atas talian melalui saluran *Cyber Counter* yang disediakan di laman sesawang MBSP bagi memudahkan urusan.

6) KARNIVAL HAIWAN KESAYANGAN MBSP / SPETCIAL (SEBERANG PERAI PETS CARNIVAL) 2.0

Dimaklumkan bahawa Karnival Haiwan Kesayangan MBSP/ SPETCIAL (Seberang Perai Pets Carnival) 2.0 akan diadakan pada **5 Oktober 2024 (Sabtu)** bertempat di **Concept Hall Autocity, Juru** bermula jam **1.00 tengah hari hingga 10.00 malam**.

Karnival ini merupakan penganjuran kali kedua Karnival Haiwan Kesayangan di bawah penjenamaan SPETCIAL. Pada edisi kali ini, MBSP menjalinkan kerjasama strategik bersama pihak Autocity bagi menjayakan lagi program karnival ini.

Tujuan penganjuran karnival adalah untuk menerapkan sikap bertanggungjawab dalam penjagaan kebajikan haiwan, memberi pendedahan berkenaan kepentingan pemandulan dan asas penjagaan kesihatan serta memberi peluang kepada penduduk Seberang Perai untuk berinteraksi bersama haiwan melalui aktiviti bersama haiwan-haiwan kesayangan.

Berikut merupakan aktiviti-aktiviti semasa penganjuran karnival:

- i. Furathon 2.0 : Larian santai bersama haiwan kesayangan sejauh 1.5km di perkarangan kawasan Autocity.
- ii. Pertandingan kucing cantik
- iii. Pameran daripada agensi kerajaan dan agensi dalam MBSP
- iv. Penyampaian hadiah untuk pemenang pertandingan mewarna kanak-kanak
- v. Demonstrasi anjing Unit K9 Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- vi. Jualan vendor produk-produk haiwan kesayangan

- vii. Pameran mini zoo
- viii. Pemeriksaan kesihatan dan vaksinasi Percuma kpd Haiwan

Karnival adalah terbuka untuk semua penduduk Pulau Pinang, khususnya warga Seberang Perai. Oleh itu, semua dijemput hadir untuk memeriahkan lagi karvival ini.

7) SELAMAT MENYAMBUT HARI DEEPAVALI

Dimaklumkan sambutan Hari Deepavali akan disambut pada 31 Oktober 2024 iaitu pada hari Khamis. Pada hari tersebut adalah hari kelepasan am bagi Pulau Pinang. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang yang beragama Hindu. Selamat bercuti dan berhati-hati di jalanraya semasa musim perayaan ini. Justeru itu, saya ingin mengingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai supaya menjaga kesihatan dan mengamalkan amalan pemakanan yang baik dan sihat sepanjang sambutan musim perayaan ini.

Sekian, terima kasih.